

PELAKSANAAN ELEMEN SASTERA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SENI BAHASA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Shamsudin Othman
shamsudean66@gmail.com

Abdul Rasid Jamian
arasid@educ.upm.edu.my

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini akan membahaskan kemahiran membaca yang akan dikaitkan dengan elemen seni bahasa dan mula dilaksanakan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) secara berperingkat bermula tahun 2011. KSSR memberi tumpuan pada empat kemahiran, iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul dalam usaha memperkasakan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi menjadikan mata pelajaran ini kian menarik dan berdaya saing, kurikulum Bahasa Melayu yang terdiri daripada suatu elemen baharu telah diperkenalkan dalam kurikulum huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu KSSR, iaitu seni bahasa, sementara “didik hiburan” menjadi salah satu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran. Seni bahasa ini merujuk keupayaan murid untuk memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hiburan. Maka kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenal pasti keyakinan guru dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sepanjang pelaksanaan dan mengukur sejauh mana guru dapat menerapkan elemen dan teks sastera dalam

meningkatkan keberkesanan kemahiran pembacaan murid. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik serta temu bual bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Responden terdiri daripada guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Ramalan hasil kajian ini ialah guru mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa serta dapat merangsang kemahiran membaca murid. Perkara yang turut diberi perhatian juga adalah penggunaan teks berunsurkan sastera turut dapat membina keyakinan dan keupayaan penghayatan yang lebih baik.

Kata kunci: elemen sastera, seni bahasa, kemahiran membaca, didik hibur, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Abstract

This paper will address the reading skills that are associated with the element of language arts and implemented in the Standard Curriculum for Primary Schools (KSSR) in stages beginning 2011. KSSR focused on the four skills of reading, writing, mathematics and reasoning in order to enhance the learning of the Malay language. In order to make this subject increasingly attractive and competitive, a Malay language curriculum consisting of a new element was introduced into the Malay KSSR, namely the language of "art edutainment" as one of the approaches to teaching and learning. Language arts refers to the ability of students to understand, express and appreciate the beautiful language through a fun-filled learning edutainment. As such, this study aimed to identify teacher confidence in the teaching and learning of language arts and to measure the extent to which teachers can apply literary elements and text to improve the effectiveness of students' reading skills. This study employed the descriptive approach and data were collected through questionnaires and interviews. The respondents selected comprised Malay primary school teachers. This study hypothesizes that teachers have a high level of confidence in the teaching and learning of language arts and are able to stimulate students' reading skills. The study also proposes that literature-based texts will be better able to build confidence and to enhance the ability.

Keywords: literary elements, language arts, reading skills, edutainment, Standard Curriculum for Primary Schools (KSSR)

PENDAHULUAN

Pendidikan sekolah rendah di Malaysia merupakan proses asas pembelajaran yang sistematik jika diukur daripada perancangan dan kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Oleh itu, bagi mewajarkan sistem dan kurikulum ini berjalan dengan baik dan mudah dipraktikkan, maka beberapa perkara penting perlu diambil kira dalam pelaksanaan tersebut. Antaranya termasuklah faktor murid, persekitaran sekolah, bahan bantuan mengajar (BBM), kemudahan teknologi dan persediaan atau pengetahuan guru. Untuk tujuan ini, kurikulum yang seragam telah diwujudkan bagi memastikan kurikulum pendidikan nasional itu dapat melahirkan murid yang seimbang pekertinya sejajar dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Sejak Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan sebagai kurikulum standard yang baharu di sekolah rendah, pelbagai maklum balas yang diperoleh bukan sahaja daripada warga murid malah para guru serta ibu bapa juga menunjukkan bahawa KSSR didapati berupaya meletakkan janji terbaik untuk menyelesaikan masalah pembelajaran murid. Kali terakhir kurikulum pendidikan Malaysia mengalami perubahan pada tahun 2003, iaitu dalam semakan semula Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang telah dilaksanakan sejak 1993.

Jika merujuk matlamat umum pelaksanaan KSSR ialah usaha melaksanakan transformasi pendidikan dengan mewujudkan perubahan yang holistik kepada kurikulum persekolahan sedia ada. Usaha ini melibatkan perubahan organisasi, kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan kurikulum di sekolah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kurikulum Bahasa Malaysia dibina berasaskan tujuh tunjang, iaitu mementingkan tindak balas komunikasi, pembentukan kerohanian, melahirkan sikap dan nilai kemanusiaan, berdaya literasi sains dan teknologi, mengamalkan estetika dan melahirkan keterampilan diri. Tujuh tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong gagasan penting antara satu sama lain dalam usaha menyepadukan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berketerampilan. Selain itu,

matlamat KSSR juga digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, menguasai kemahiran lisan, menganalisis maklumat, menentukan nilai dan idea serta merealisasikan hubungan sosial dalam kehidupan harian.

Fokus kajian ini adalah untuk melihat bagaimana kemahiran seni bahasa dapat memberikan penekanan pada standard kandungan dan standard pembelajaran” yang perlu diketahui dan dapat dilakukan oleh murid. Standard kandungan dan standard pembelajaran ini berpaksikan sistem kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh elemen pengisian kurikulum. Jika dirujuk pada tajuk kajian, kajian turut membincangkan kepentingan unsur seni bahasa yang terdapat dalam KSSR. Aspek seni bahasa ini merujuk keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan dalam konteks pendekatan didik hibur (pembelajaran yang menyeronokkan). Oleh itu, didik hibur ini dilihat dapat mengupayakan dan membolehkan bahasa yang indah itu dapat diperolehi secara mudah daripada teknik nyanyian, bercerita, berlakon, mendeklamasi atau berpuisi itu dilaksanakan secara lebih santai tetapi bermakna. Seni bahasa juga menampilkan keindahan bahasa dari segi pembentukan gaya bahasa khususnya ayat yang menggunakan unsur simile, peribahasa, bahasa kiasan dan personifikasi yang terdapat dalam teks yang dibaca. Oleh itu, melalui idea yang kreatif, pembelajaran seni bahasa ini diharapkan akan dapat melahirkan murid yang menguasai kemahiran lisan dan penulisan dengan baik.

PERNYATAAN KAJIAN

Menurut Abdullah Hassan (1987), kegagalan dalam merancang dan menentukan teknik pengajaran bahasa Melayu menyebabkan isi pelajaran gagal disampaikan secara berkesan. Berdasarkan kajian lampau, kualiti pengajaran merupakan aspek penting dalam menarik minat dan meningkatkan kemahiran berbahasa murid. Majlis Peperiksaan Malaysia (1992) melaporkan bahawa antara faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ialah kaedah pengajaran yang dipraktikkan oleh guru dalam bilik darjah kurang berkesan. Kajian sarjana linguistik sebelum ini juga membuktikan bahawa komunikasi yang bergerak daripada kemahiran lisan amat penting dalam menentukan tahap kefahaman murid (Noriati A. Rashid, 2011).

Lanjutan daripada pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan digantikan dengan Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Mengukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), maka aktiviti seni bahasa dianggap penting dalam usaha mengangkat martabat bahasa Melayu itu sendiri. Cadangan terhadap pelaksanaan pendekatan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Malaysia bermula apabila keputusan kabinet pada 8 Julai 2009 telah memutuskan bahawa bahasa Melayu perlu menjadi tunjang penting dalam sistem pendidikan negara. Penumpuan memperkasakan penguasaan Bahasa Melayu turut ditekankan dengan mula melaksanakan transformasi kurikulum Bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah yang memberikan fokus kepada penguasaan asas kemahiran berbahasa dalam kalangan murid melalui pendekatan modular yang bersepadu, seimbang dan holistik merangkumi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta penguasaan tatabahasa dan seni bahasa. Oleh itu, kerajaan berhasrat memperkenalkan pendekatan seni bahasa, didik hibur dan menimbulkan kesedaran kepada apresiasi bahasa dan sastera di sekolah rendah bagi merealisasikan hasrat transformasi berkenaan. Pada peringkat sekolah menengah pula, transformasi kurikulum Bahasa Malaysia telah memberikan penekanan kepada penghayatan dan apresiasi aspek kesusasteraan Melayu. Kaedah pengajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu ini akhirnya dilihat akan lebih interaktif supaya pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu akan lebih mudah dihayati dan difahami.

Objektif aspek seni bahasa diwujudkan adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan:

- (1) menyebut dan memahami puisi melalui nyanyian dengan gerak laku secara didik hibur;
- (2) mengujarkan ayat menggunakan bahasa yang indah dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta menggunakan bahasa badan secara kreatif melalui penceritaan secara didik hibur;
- (3) mengujarkan dialog dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul tentang sesuatu perkara menggunakan bahasa badan secara kreatif melalui lakonan secara didik hibur; dan
- (4) melafazkan pantun dengan menggunakan bahasa yang indah serta menyampaikan pantun dengan intonasi yang betul di samping memahami maksud pantun.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik yang dibina oleh pengkaji bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Sejar dengan pandangan Mohd. Majid Konting (2009), kaedah penyelidikan deskriptif tidak memerlukan usaha untuk mengawal sesuatu olahan. Hal ini disebabkan penyelidik tidak menentukan terlebih dahulu faktor yang mendatangkan kesan terhadap sesuatu peristiwa. Soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Sementara itu, Sidek Mohd. Noah (2002), menyatakan kajian deskriptif dapat memberikan penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Walau bagaimanapun, temu bual berpandu juga diadakan bagi mendapatkan maklumat tambahan sebagai pengukuhan fakta kepada hasil kajian ini. Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 75 orang guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu KSSR di sekolah terpilih. Sementara sampel kajian telah dijalankan terhadap 30 orang guru terpilih daripada sepuluh buah sekolah daripada setiap zon negeri, iaitu Sabah, Perlis, Terengganu, Johor, Kuala Lumpur dan Kedah. Pemilihan sampel adalah secara rawak.

Sekolah yang dijadikan sampel ini ialah sekolah rintis yang telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sekolah uji kaji untuk setiap modul yang dilaksanakan. Bagi kaedah temu bual, kajian telah menemu bual dua orang guru yang terlibat secara sepenuhnya dengan pendedahan KSSR. Lokasi responden ialah Sekolah Kebangsaan Sungai Besi dan Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda Aziz, iaitu kedua-duanya terletak di Kuala Lumpur. Dua orang guru ini terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu KSSR pada Tahap 1. Soalan temu bual dibina khas oleh pengkaji manakala proses temu bual diadakan selama dua hari berturut-turut. Tempoh masa untuk setiap orang responden ditemu bual lebih kurang 30 minit seorang. Perbualan antara pengkaji dengan responden dirakamkan dan dianalisis dalam bentuk transkrip.

Kajian tinjauan bermatlamat mengumpulkan maklumat mengenai pemboleh ubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pemboleh ubah tersebut wujud. Kajian deskriptif ini amat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data yang dikehendaki.

Responden bagi kajian tinjauan secara soal selidik ialah kumpulan guru mata pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah rendah. Secara khususnya, responden kajian ialah guru yang melaksanakan P&P seni bahasa dalam kerangka sistem KSSR. Menurut Mohd. Majid Konting (2009), populasi boleh didefinisikan sebagai satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu terhadap sekumpulan individu atau objek. Penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 unit bagi mengelakkan ralat persampelan. Bagi kajian ini pula, seramai 75 orang guru telah terlibat sebagai responden dengan mereka diminta mengisi borang soal selidik yang dikemukakan oleh pengkaji.

Dengan berpegang kepada prinsip kerja Mohd. Majid Konting (2009), soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik adalah sesuai dan berkesan digunakan bagi populasi yang besar. Begitu juga soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberikan.

Bagi mendapatkan data, satu set soal selidik telah digubal. Soal selidik yang digunakan untuk responden dalam kajian ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A berkaitan latar belakang sampel kajian (guru KSSR Bahasa Malaysia sahaja) seperti lokasi sekolah, jantina, kaum, umur, kelulusan akademik dan pengkhususan. Maklumat yang diperoleh daripada bahagian ini bertujuan untuk memerihalkan latar belakang responden. Bahagian B pula untuk melihat tahap kefahaman terhadap huraian sukatan aspek seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia terhadap murid-murid sekolah rendah. Seterusnya bahagian C pula bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan teks dan bahan bantu mengajar dalam P&P seni bahasa dan bahagian D untuk melihat tahap pembacaan murid terhadap elemen sastera. Pada bahagian akhir borang soal selidik pula, pengkaji juga menyelitikan soalan berstruktur untuk para guru memberikan pandangan secara umum dan bebas tentang pelaksanaan KSSR ini.

PROSEDUR PENGUMPULAN DAN PENGANALISISAN DATA

Penganalisan data telah dilaksanakan menggunakan perisian Statistical Package for Sosial Science (SPSS) for window versi 16.0. Data yang diperoleh daripada responden telah dikumpulkan dan dianalisis sebaik

mungkin sebagai usaha untuk menjayakan kajian ini. Kajian rintis juga telah dilakukan bagi menganalisis kebolehpercayaan instrumen kajian soal selidik yang dijalankan. Kajian rintis ini dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Razak (1), Kuala Lumpur, yang melibatkan 30 orang responden.

Penggunaan perisian ini sebagai kaedah analisis data statistik deskriptif bermatlamat untuk memperihalkan data dengan sejelas mungkin. Oleh itu, analisis statistik deskriptif cuba membuat ringkasan dan klasifikasi terhadap data supaya pengguna dan penyelidik dapat sama-sama memahami data dengan mudah. Sementara itu, statistik deskriptif digunakan untuk menentukan peratusan, min dan sisihan piawai. Tujuan penganalisisan ini adalah untuk membolehkan penyelidik membuat gambaran set data yang terkumpul serta mengkaji taburan kekerapan. Dapatan analisis kajian telah dipaparkan dalam bentuk jadual serta dibincangkan mengikut setiap item berpandukan objektif dan pemboleh ubah yang telah ditetapkan. Statistik deskriptif digunakan untuk mengumpul data dan membuat rumusan serta menyampaikan rumusan dalam bentuk yang lebih mudah difahami oleh semua golongan.

STATISTIK KAJIAN

Statistik deskriptif telah digunakan untuk menghuraikan analisis dapatan kajian ini. Kaedah Pemarkahan dalam kajian ini menggunakan Skala Likert 4 point. Dalam kaedah permarkahan ini, markah individu ditentukan dengan menjumlahkan nilai yang diperoleh oleh subjek daripada gerak balasnya terhadap setiap kenyataan. Mohd. Majid Konting (2009) telah mencadangkan penggunaan satu set senarai kenyataan berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap sesuatu institusi, isu atau aktiviti. Satu set gerak balas terhadap sikap tersebut diberikan dalam bentuk skala ordinal. Lebih dikenali dengan nama Skala Likert ini dibentuk berasaskan andaian bahawa keseluruhan markah gerak balas terhadap butir-butir yang menggambarkan sikap tertentu yang dikaji memberikan pengukuran yang berasas mengenai sikap tersebut. Sampel atau responden menunjukkan sama ada mereka sangat setuju (4), setuju (3), tidak setuju (2) dan sangat tidak setuju (1) terhadap item yang dikemukakan.

Bagi kajian ini, data yang diperoleh, iaitu peratusan, min dan sisihan piawai. Julat skor min yang diperoleh adalah antara 1.00 hingga 5.00, Noraini Idris (2010), menyatakan bagi tujuan analisis Likert 4 point, beza julat maksimum telah dibahagi kepada tiga. Skor min antara 1.00 hingga

2.33 sebagai tahap rendah, min 2.34 hingga 3.67 tahap sederhana, dan min 3.68 hingga 5.00 sebagai tahap tinggi (rujuk Jadual 1).

Jadual 1 Interpretasi Skor Min.

Min	Interpretasi Tahap
1.0 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Skor min tersebut dibahagikan kepada tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi memudahkan analisis data dibuat. Bagi menentukan min, peratusan dan sisihan piawai, formula yang digunakan ialah:

$$\text{Min} = \frac{\text{jumlah semua skor / markah}}{\text{Bilangan markah / murid}}$$

$$M = \frac{\sum X}{n}$$

$$\text{Peratusan} = \frac{\text{jumlah skor/markah} \times 100}{\text{Bilangan markah}}$$

Sisihan Piawai = adalah punca ganda dua varian

KONSEP SENI BAHASA SEBAGAI PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

“Seni Bahasa” ialah konsep yang terdiri daripada dua perkataan, iaitu “seni” dan “bahasa”. “Seni” merujuk bentuk teks yang penuh dengan nilai keindahan dan boleh disampaikan dalam bentuk yang menyeronokkan, seperti nyanyian, lakonan dan deklamasi. Sementara “bahasa” pula merujuk elemen yang terdapat dalam bentuk nahu atau tatabahasa. Oleh itu, “seni bahasa” dalam konteks kajian ini ialah bentuk pembelajaran bahasa yang menjadi pendekatan P&P yang menyeronokkan murid-murid. Walaupun murid seronok tetapi objektif pengajaran dan pembelajaran masih dapat dicapai seperti yang ditetapkan oleh sukatan pelajaran. Sementara itu, guru pula perlu P&P secara belajar sambil berhibur agar isi kandungan mata pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Gabungan dua perkataan “seni” dan “bahasa” ini mempunyai hubungan makna yang rapat dengan “didik” dan “hibur”. Pengertian “seni” yang lebih mendalam mempunyai perkaitan dengan konsep “hibur” sementara istilah “bahasa” merujuk

hubungan makna dengan “didik”. Konsep ini merujuk pembelajaran yang menyenangkan dengan menggalakkan pelajar menaakul isi pelajaran secara berhibur.

Hasrat kerajaan memperkenalkan pendekatan seni bahasa dan didik hiburan di sekolah rendah semata-mata untuk merealisasikan hasrat transformasi P&P dalam bilik darjah. Pendekatan didik hiburan dalam bilik darjah akan menjadikan proses P&P lebih interaktif serta berpusatkan murid. Oleh itu, pengajaran guru akan lebih mudah dihayati dan difahami oleh murid. Rumusannya, seni bahasa dan didik hiburan merupakan satu pendekatan dalam proses P&P yang bersifat santai tetapi terkawal dengan memberikan penekanan dan cara pelaksanaannya terhadap empat komponen bahasa dan sastera, iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan berpuisi. Oleh itu, keseronokan murid secara total dalam mempelajari Bahasa Melayu akan dapat direalisasikan secara terancang, bersistematik dan menyenangkan.

Yang berikut ialah contoh teks pantun dua kerat di bawah tajuk “Kebersihan Diri”. Perkataan mudah digunakan dalam pantun ini dengan jumlah suku kata yang sedikit. Pantun ini amat mudah difahami, dibaca dan dilagukan kerana melodinya yang dekat dengan dunia kanak-kanak, iaitu irama “Ikan Kekek”. Melalui nyanyian ini membolehkan murid mendapat ilmu tentang penjagaan dan kebersihan diri.

Kebersihan Diri

Ikan keli di atas rakit,
Gosok gigi supaya tak sakit

Beli sotong masak kari,
Kuku dipotong kuman lari

Ikan haruan di dalam tangki,
Sabun badan buang daki

Naik bot pergi ke hulu,
Cuci rambut bersih selalu.

(Sumber: Huraian Sukatan Pelajaran KSSR, KPM, 2010)

Contoh di bawah ini pula merupakan contoh pembelajaran seni bahasa yang diajarkan menggunakan bahasa berirama. Dalam hal ini, pembelajaran aspek tatabahasa dapat dilaksanakan dengan menggunakan konsep seni bahasa, iaitu menyanyikan lirik lagu yang sesuai, contohnya:

Baju Saya Cantik

Mari kita gembira
Baju bersih dan cantik
Semua segar bergaya
Menawan dan menarik
Sari doti ceongsam samfu
Sari doti ceongsam samfu
Kain lembut dan halus
Wangi jika dibasuh
Pakaian majlis rasmi
Semua orang memuji
Baju kurung Melayu
Baju kurung Melayu

Kosa kata yang terdiri daripada lebih dua suku kata, seperti gembira, halus, cantik, basuh dan wangi yang terdapat dalam lirik lagu tersebut lebih mudah disebut dan difahami oleh murid apabila dipelajari secara menyanyi dan bergembira. Cara ini membantu murid untuk menyesuaikan diri apabila melangkah ke alam sekolah menengah. Di samping mempelajari kemahiran “membangkan” suku kata dalam puisi, terdapat juga elemen sastera yang diselitkan secara tidak langsung dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini seperti aspek pantun itu sendiri.

CIRI DAN PELAKSANAAN DIDIK HIBUR DALAM BILIK DARJAH

Secara umumnya, Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) telah mencadangkan atau menetapkan ciri dan pelaksanaan seni bahasa dijalankan, iaitu:

- (1) sesi pembelajaran yang menyeronokkan kerana terkandung unsur kelakar, kecindan, unsur estetik, permainan muzik, lakonan dan sebagainya;

- (2) mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan murid kepada guru. Seperti yang dijelaskan sebelum ini didik hibur berkonsepkan santai dan berhibur;
- (3) sesi pembelajaran yang penuh dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan pelbagai. Menerusi aktiviti nyanyian dan lakonan umpamanya, murid-murid boleh main peranan dengan menyertai aktiviti tersebut sambil berhibur. Yang penting, arahan guru perlu jelas dan ringkas di samping penggunaan ICT dan BBM untuk menarik penglibatan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran;
- (4) objektif aktiviti cenderung kepada pelbagai cara penyelesaian masalah dan kepelbagaian cara persembahan yang tiada unsur kalah atau menang, tiada ganjaran atau dendaan serta latihan dan penggunaannya menjurus kepada aktiviti P&P;
- (5) salah atau tidak bukan matlamat aktiviti didik hibur, tetapi yang penting berjaya melibatkan seramai mungkin murid dan aktiviti bersahaja dan santai;
- (6) aktiviti yang dipilih lebih menjurus kepada aktiviti berkumpulan atau berpasangan supaya wujud semangat kerja berpasukan, kerjasama dan toleransi;
- (8) murid bebas bersuara, mengeluarkan pendapat dan idea secara logik
- (7) dalam keadaan terkawal untuk memberikan satu persembahan yang menarik;
- (9) murid bebas bergerak, berlakon, menyanyi dan sebagainya dalam keadaan terkawal;
- (10) aktiviti seni bahasa ini amat berkait rapat dengan kaedah didik hibur yang banyak menggunakan komunikasi melalui bahasa tubuh.

Dalam tulisan Shamsudin Othman, (Kalam Bahasa, Ogos, 2004), konsep “belajar dalam berhibur” atau “didik hibur” itu adalah pendekatan yang sesuai dengan konsep seni bahasa yang diperkenalkan. Lanjutan daripada itu, dalam satu perbincangan dengan BPK, konsep “belajar sambil berhibur” itu telah dipersetujui untuk diterapkan dalam pengajaran yang melibatkan bahan sastera. Oleh itu, secara mudahnya, P&P seni bahasa akan menjadi lebih menarik jika dapat dilaksanakan secara penyerapan dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan memberikan fokus kepada aktiviti genre berbentuk puisi, seperti lirik lagu, pantun, syair, dan sajak. Penyerapannya yang dititikberatkan dalam pendekatan ini ialah proses menyerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, dan kemahiran

bernilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan statistik deskriptif untuk melihat kekerapan dan min responden terhadap setiap item dalam soal selidik yang dilakukan. Markah ujian yang didapati itu dianalisis dengan menggunakan kekerapan dan peratusan.

Skor Min Secara Keseluruhan bagi Semua Pemboleh Ubah

Terdapat lapan pemboleh ubah dalam kajian ini yang diterokai dan dibincangkan dalam analisis. Perbincangan tentang Jadual 2 diterangkan mengikut nilai skor min bermula dengan nilai skor yang paling tinggi ke rendah.

Nilai skor min yang paling tinggi ialah 3.12(sp=630), iaitu para guru mengakui bahawa penggunaan bahasa sastera dalam P&P seni bahasa membawa manfaat penting kepada guru mahupun murid. Seterusnya skor min yang kedua tinggi ialah 3.11(sp=.387) menunjukkan guru memahami konsep terhadap huraian sukatan pelajaran seni bahasa dan pendapat guru mengatakan tahap pembacaan murid terhadap elemen sastera juga berlaku peningkatan, iaitu dengan nilai skor min sebanyak 3.07 (sp=.266). Bagi item pengajaran guru berdasarkan KSSR juga secara keseluruhan mendapat nilai skor min 2.98 (sp=.257). Selain itu, penggunaan teks dan bahan mengajar dalam P&P seni bahasa juga memberi nilai skor min sebanyak 2.96 (sp=.243). Hal yang sama juga ditemui dalam masalah pelaksanaan elemen sastera juga hanya mencatat nilai skor min yang rendah, iaitu sebanyak 2.69 (sp=.216). Dapatan ini menunjukkan bahawa seni bahasa merupakan satu pola kurikulum yang baharu dan umumnya dapat meningkatkan mutu atau tahap kefahaman murid.

Tahap Pembacaan Murid terhadap Elemen Sastera

Pengajaran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia diajar oleh para guru menggunakan salah satu teknik, iaitu teknik didik hibur. Kaedah, teknik dan pendekatan guru dalam penyampaian P&P itu telah membuktikan bahawa matlamat pengajaran melalui nyanyian, berpantun,

Jadual 2 Skor min keseluruhan pemboleh ubah.

Bil.	Pemboleh Ubah Kajian	Min	Sisihan Piawai
1.	Kefahaman konsep terhadap huraian Sukatan Pelajaran Seni Bahasa.	3.11	.387
2.	Pengajaran guru berdasarkan KSSR.	2.98	.257
3.	Manfaat pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa.	3.12	.630
4.	Masalah pelaksanaan elemen sastera.	2.69	.216
5.	Penggunaan teks dan bahan mengajar dalam pembelajaran seni bahasa.	2.96	.243
6.	Tanda pembacaan murid terhadap elemen sastera.	3.07	.266

Jadual 3 Tahap pembacaan murid.

Bil.	Tahap Pembacaan Murid terhadap Elemen Sastera	Min	Sisihan Piawai
1.	Menyebut dan memahami unsur seni dalam lagu melalui nyanyian secara didik hibur.	3.06	.346
2.	Melafaz dan memahami puisi dengan intonasi yang betul menggunakan bahasa yang indah secara didik hibur.	2.97	.440
3.	Elemen sastera dapat membantu murid memahami teks dengan lebih baik.	3.10	.314
4.	Elemen sastera dapat meningkatkan penguasaan bacaan mekanis.	3.10	.353
5.	Elemen sastera dapat meningkatkan penguasaan bacaan mentalis.	3.05	.328
6.	Elemen sastera sebagai pelengkap pengajaran dan pembelajaran seni bahasa.	3.15	.360

bersketsa dan sebagainya supaya murid dapat menyebut dan memahami unsur seni bahasa dalam lagu adalah tinggi (min=3.06, sp=.346). Selain itu, penerapan elemen seni bahasa dengan tujuan dan sasaran yang betul telah dapat melahirkan murid yang dapat melafaz dan memahami puisi dengan intonasi yang betul menggunakan bahasa yang indah serta sedap didengar (min=2.97, sp=.440). Hal ini turut membenarkan reaksi dan tanggapan guru, iaitu guru bersetuju bahawa elemen sastera dapat membantu murid memahami teks dengan lebih berkesan. Buktinya, nilai skor yang diperoleh sebanyak 3.10 (sp=.314). Elemen sastera juga dapat meningkatkan penguasaan bacaan murid secara mekanis (min=3.10,

sp=.355) dan mentalis (min=3.05, sp=.328). Seperti yang kita maklum bahawa bacaan mekanis ialah bacaan yang dilakukan secara senyap seperti membaca dalam hati yang bertujuan untuk memahami sesuatu teks dengan mendalam, manakala bacaan mentalis ialah bacaan secara kuat, perkataan dalam teks disebut secara kuat dan tepat serta menggunakan tanda bacaan yang betul. Selain itu, elemen sastera juga dikatakan pelengkap kepada P&P seni bahasa yang dapat menunjukkan min skor sebanyak 3.15 (sp=.360).

Manfaat Pelaksanaan Elemen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Bahasa

Kajian ini telah menemukan suatu persepsi positif terhadap keberkesanan dan manfaat atau faedah elemen sastera dalam P&P seni bahasa kepada murid. Item ini diajukan kepada guru untuk melihat kemajuan dan prestasi murid berdasarkan pemerhatian guru.

Merujuk pemboleh ubah dalam Jadual 4, guru yang terlibat telah memberikan pendapat bahawa manfaat pelaksanaan elemen sastera terhadap P&P seni bahasa didapati peningkatan kemahiran murid adalah sangat tinggi. Nilai min sebanyak 2.97 (sp=.382) menunjukkan murid memahami maklumat yang disampaikan oleh guru dan min 3.30 (sp=3.55)

Jadual 4 Manfaat pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni sastera.

Bil.	Manfaat Pelaksanaan Elemen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Bahasa	Min	Sisihan Piawai
1.	Murid memahami maklumat yang disampaikan oleh guru.	2.97	.382
2.	Murid boleh mengulang kembali apa-apa yang disampaikan oleh guru secara tepat.	3.30	.355
3.	Berlaku peningkatan kemahiran lisan dalam kalangan murid.	3.08	.365
4.	Berlaku peningkatan kemahiran membaca dalam kalangan murid.	3.13	346
5.	Berlaku peningkatan kemahiran menulis dalam kalangan murid.	3.02	.371
6.	Kecekapan pedagogi guru semakin meningkat.	3.13	.384
7.	Berlaku peningkatan kemahiran murid dalam 4M.	3.13	.346

merujuk guru berpendapat bahawa murid boleh mengulang kembali apa-apa yang telah mereka pelajari secara tepat. Guru juga mengakui bahawa nilai min sebanyak 3.08 ($sp=.365$) menunjukkan peningkatan terhadap penguasaan kemahiran lisan, sebanyak ($min=3.13$, $sp=.346$) untuk kemahiran membaca, ($min=3.02$, $sp=.371$) bagi kemahiran menulis, dan ($min=3.13$, $sp=.346$) untuk kemahiran menaakul. Hal ini membuktikan bahawa seni bahasa telah dapat membantu mutu penguasaan kemahiran 3M (membaca, menulis dan menaakul). Peningkatan ini turut dapat dikaitkan dengan mutu kaedah atau pendekatan yang diguna pakai guru dapat membantu murid yang lemah dalam memahami teks yang dibaca. Sebanyak 3.13 ($sp=.384$) guru juga bersetuju bahawa kecekapan pedagogi mereka semakin meningkat selepas pelaksanaan seni bahasa seperti yang disasarkan oleh sukatan KSSR.

Pengajaran Seni Bahasa Guru Berdasarkan KSSR

Berdasarkan Jadual 5, hasil analisis menunjukkan guru menggunakan pendekatan yang tersendiri sewaktu mengajar seni bahasa dalam bilik darjah ($m=3.18$, $sp=.451$) dan ternyata guru mengaplikasi teknik didik hibur dalam pembelajaran seni bahasa mereka ($min=3.23$, $sp=.514$) di sekolah. Guru juga mempelbagaikan teknik pengajaran seni bahasa selain daripada menggunakan teknik didik hibur ($min=3.22$, $sp=.478$). Ramai guru kurang bersetuju bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran mereka tertakluk di dalam bilik darjah sahaja dengan $min=2.34$ ($sp=.674$) dan para guru sebenarnya kadangkala melakukan pengajaran di luar bilik darjah contohnya di perpustakaan, makmal komputer dan sebagainya ($min=3.01$, $sp=.539$). Nilai min yang sama, iaitu 3.01 menunjukkan para guru mengakui bahawa cara pengajaran seni bahasa antara seorang guru dengan guru yang lain adalah berbeza dengan jumlah nilai sisihan piawai .489. Nilai min 3.17 ($sp=.481$) menunjukkan guru bersetuju dengan pelaksanaan elemen sastera dalam sukatan pelajaran sekolah rendah dan guru memahami secara tepat tentang penggunaan seni bahasa dalam pengajaran mereka dengan nilai min hanya 2.94 ($sp=.496$). Selain itu, tugas atau latihan yang diberikan kepada murid selepas waktu P&P adalah selaras seperti yang telah diajar ($min=3.16$, $sp=.408$) dan mereka bersetuju bahawa pengajaran seni bahasa diajar dalam tempoh masa yang sesuai dengan nilai min mencatat sebanyak 3.02 ($sp=.374$). Nilai min yang terendah ialah 2.51 ($sp=.530$) kerana ramai guru mengakui bahawa sumber atau bahan yang digunakan untuk pengajaran seni bahasa adalah

Jadual 5 Pengajaran seni bahasa oleh guru KSSR.

Bil.	Pengajaran Guru	Min	Sisihan Piawai
1.	Guru menggunakan pendekatan yang tersendiri sewaktu mengajar seni bahasa dalam bilik darjah.	3.18	.451
2.	Guru mengaplikasi teknik didik hibur ketika mengajar seni bahasa dalam bilik darjah.	3.23	.514
3.	Guru mempelbagaikan teknik pengajaran seni bahasa.	3.22	.478
4.	Pengajaran guru tertakluk di dalam bilik darjah sahaja.	2.34	674
5.	Kadangkala guru melakukan pengajaran di luar bilik darjah.	3.01	539
6.	Cara pengajaran seni bahasa guru berbeza dengan guru lain.	3.01	.489
7.	Guru bersetuju dengan pelaksanaan elemen sastera dalam sukatan pelajaran sekolah rendah.	3.17	.481
8.	Pemahaman guru tentang penggunaan seni bahasa dalam.	2.94	.496
9.	Latihan/tugasan yang diberikan kepada murid adalah selaras dengan pengajaran guru.	3.16	.408
10.	Guru menggunakan pengajaran seni bahasa dalam tempoh masa yang sesuai.	3.02	.374
11.	Sumber/bahan yang digunakan oleh guru bagi pengajaran seni bahasa mencukupi.	2.51	.530

tidak mencukupi dan terhad. Hal ini membuktikan bahawa seni bahasa merupakan satu kaedah penting dalam membantu cara P&P guru Bahasa Melayu. Kepelbagaian dan keterbukaan dalam P&P seni bahasa dilihat menjadi faktor penting dalam usaha meningkatkan keyakinan diri guru dan pemahaman murid.

Penggunaan Teks Sastera dan Bahan Mengajar dalam Pembelajaran Seni Bahasa

Item seperti Jadual 6 diajukan kepada guru untuk mengetahui sejauh mana penggunaan teks sastera dan bahan bantu mengajar yang diguna pakai oleh guru sepanjang tempoh P&P yang melibatkan pembelajaran seni bahasa dijalankan.

Selepas dianalisis data hasil daripada maklumat dan jawapan responden, didapati bahawa para guru yang terlibat dalam kajian ini masing-masing

Jadual 6 Teks sastera dan bahan bantu mengajar.

Bil.	Pengajaran Guru	Min	Sisihan Piawai
1.	Guru berpuas hati dengan bahan puisi seni bahasa.	2.72	.507
2.	Guru berpuas hati dengan prosa seni bahasa.	2.72	.507
3.	Bahan bantu mengajar multimedia (seperti: perkakasan, perisian dan komputer) dalam P&P seni bahasa membantu meningkatkan kefahaman murid.	3.10	.426
4.	Bahan bantu mengajar bukan elektronik (seperti: kad, gambar, carta dan buku) dalam P&P seni bahasa membantu meningkatkan kefahaman murid.	3.16	.441
5.	Bahan bantu mengajar seni bahasa bersifat kreatif.	3.13	.384
6.	Bahan bantu mengajar seni bahasa dihasilkan sendiri oleh guru.	2.93	.451

berpuas hati dengan bahan puisi dan prosa seni bahasa yang digunakan sebagai teks semasa P&P seni bahasa dijalankan, iaitu dengan nilai skor min 2.72 ($sp=.507$). Sementara itu, dengan nilai skor min 3.10 ($sp=.426$) menunjukkan guru menggunakan bahan bantu mengajar multimedia sastera yang lain seperti perisian komputer dan sebagainya. Selain itu, guru turut menggunakan bahan bantu mengajar bukan elektronik seperti kad, gambar, carta dan buku (min=3.16, $sp=.441$) bagi membantu kefahaman murid. Di samping itu juga, para guru mengakui bahawa bahan bantu mengajar seni bahasa bersifat kreatif dengan nilai skor min sebanyak 3.13 ($sp=.384$) dan kebanyakan bahan bantu mengajar itu dihasilkan sendiri oleh guru (min=2.93, $sp=.451$). Hal ini membuktikan bahawa bahan sastera merupakan salah satu bahan bantu mengajar yang dianjurkan kerana sifatnya yang bersahaja, menyeronokkan dan boleh disampaikan dalam pelbagai teknik.

Oleh itu, dapatan kajian ini telah dapat memberikan jawapan bahawa terdapat empat persoalan yang sering membelenggu P&P guru Bahasa Melayu. Empat persoalan yang dapat membantu meningkatkan mutu P&P guru bahasa dengan merujuk elemen seni bahasa ialah:

- (1) keyakinan guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa;
- (2) keberkesanan teks sastera terhadap peningkatan tahap pembacaan murid;
- (3) fungsi teks sastera terhadap pemahaman pembacaan murid;

- (4) perkaitan tahap pembacaan murid dengan pembelajaran mata pelajaran bahasa.

Pandangan Guru terhadap Pelaksanaan Seni Bahasa dalam Sistem KSSR

Secara keseluruhannya didapati 30 peratus guru mempunyai pandangan yang positif terhadap pelaksanaan seni bahasa. Kajian mendapati bahawa para guru dapat memberikan tumpuan, dan suasana pembelajaran menjadi lebih menarik. Guru mendapati bahawa murid berupaya meningkatkan kemahiran mendengar berpandukan Aras Kefahaman Taksonomi Bloom. Soalan pemahaman daripada teks sastera menjadi lebih mudah dijawab dan hasilnya menunjukkan pencapaian markah yang tinggi.

Faktor kejayaan guru disebabkan oleh penglibatan sepenuhnya guru sebagai pelaksana “didik hiburan” tersebut. Maka ciri guru yang dapat dirumuskan kesan daripada kajian seni bahasa ini seterusnya dapat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran 3M. Pengajaran guru perlu diterima dengan baik oleh murid. Penerimaan murid terhadap pembelajaran seni bahasa khususnya apabila dikaitkan dengan teks sastera seperti pantun dan lagu puisi (lagu rakyat) membuktikan bahawa keyakinan diri murid bertambah meningkat dari satu tahap ke tahap yang lebih baik. Peratusan guru menunjukkan 60 peratus daripada murid-murid yang berusia 7-8 tahun berupaya membina keyakinan diri dengan begitu baik. Hal ini menyebabkan, kemahiran lisan murid di dalam bilik darjah dapat ditingkatkan. Malah lebih penting daripada itu, dalam aspek bercerita, lakonan dan nyanyian, penglibatan dan kesungguhan murid itu benar-benar menunjukkan peratusan yang besar dan hal ini bermakna guru telah berjaya dalam proses P&P mereka. Kesimpulan yang boleh dirumuskan daripada pendekatan seni bahasa ini ialah guru yang melaksanakan pendekatan ini wajar bersifat:

- (1) Santai – Mendengar lagu dan membaca seni kata lagu yang digemari.
- (2) Kelakar – Mengubah suai seni kata lagu mengikut jalan tema sendiri.
- (3) Seronok dan gembira – Banyak aktiviti nyanyian dan gerak badan.
- (4) Semangat mencuba – Usaha murid untuk menghasilkan cerita ringkas daripada tema atau perkataan dalam seni kata lagu berkenaan.
- (5) Tidak takut dan kurang stres – Guru turut menyanyi bersama-sama murid.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati “seni bahasa” KSSR sesuai digunakan dan dilaksanakan dalam P&P murid sebagai ganti kepada modul kurikulum KBSR. Semua responden bersetuju tentang pelaksanaan seni bahasa yang diperkenalkan dalam KSSR dan yakin bahawa modul terbaharu ini akan meningkatkan kecemerlangan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kemahiran murid dalam aspek membaca, menulis, keupayaan lisan serta menaakul juga didapati bertambah baik. Dari aspek guru pula, KSSR membawa pembaharuan dalam teknik dan kaedah mengajar yang mencabar guru dalam melaksanakan kurikulum standard ini serta dalam masa yang sama memberi input yang positif kepada murid. Pandangan yang dikatakan mencabar merujuk KSSR ini kadangkala menghambat guru supaya lebih kreatif, inovasi dan sentiasa maju ke hadapan tanpa mencicirkan perkara yang sedia ada. Namun pada masa yang sama, guru tetap tertekan dengan beberapa aspek kesan daripada pelaksanaan kurikulum KSSR ini.

Terdapat dua perkara yang ditekankan oleh guru tentang perkara yang menjadi bebanan mereka apabila KSSR ini dilaksanakan, iaitu beban kerja pengkeranian dan beban dari segi penyediaan bahan pengajaran. Kesan daripada bebanan ini, guru mendapati prestasi tugas mereka agak terganggu dan mungkin membawa impak yang negatif kepada murid.

Sebagai rumusan, pelaksanaan elemen sastera dalam P&P seni bahasa KSSR ini membawa satu transformasi yang baik selari dengan arus perdana transformasi pendidikan negara. Oleh itu, kerjasama semua pihak dalam penghayatan didik hibur yang sebenar perlu dihayati supaya murid dan guru dapat menggembeng kerjasama yang sebaik-baiknya.

KESIMPULAN

Pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dilihat bersifat sebagai satu pendekatan didik hibur dalam kaitannya dengan pedagogi KSSR. Saranan murni ini juga perlu dijadikan sebagai usaha untuk memperkaya strategi dan pendekatan P&P guru. Dalam hal yang bersifat modal insan, penguasaan pelbagai kaedah, pendekatan dan teknik dalam P&P bukan sahaja dapat memperlihatkan bakat terpendam seseorang guru malah lebih penting daripada itu ialah bagaimana seseorang guru mampu menjadikan dirinya seorang “pelakon” yang seimbang

dalam konteks jasmani, emosi rohani dan intelek. Manakala murid yang berperanan sebagai pelajar pula akan dapat melihat seterusnya mewarisi ciri kreativiti yang dimiliki oleh guru. Di samping seronok menikmati isi pelajaran, guru dan murid sebenarnya telah berganding bahu mencipta suasana yang harmoni di dalam bilik darjah khususnya dalam waktu P&P yang pendek tetapi amat berat tanggungjawab pengisiannya.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1987. *Isu-Isu dalam pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Hj. Husin, 1999. *Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003. *Sukatan Pelajaran KBSR, Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003. *Sukatan Pelajaran KBSM, Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kurik Kundi Merah Saga – Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005. Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011. *Standard Kurikulum Seni Bahasa dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Perkembangan Kurikulum. Majlis Peperiksaan Malaysia, 1992. *Laporan Keputusan Peperiksaan 1991*. Kuala Lumpur: Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Marohaini Yusof, 1999. *Strategi Pengajaran Kefahaman Membaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting, 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Kassim Ismail, 1996. “Pengajaran bahasa dalam sastera dan pengajaran sastera dalam bahasa”. Kertas kerja yang dibentang dalam Seminar Pengajaran Kesusasteraan KBSM, pada 9– 10 Mac 1996, di Universiti Sains Malaysia.
- Noriati A. Rashid, 2011. *Budaya dan Pembelajaran*. Shah Alam. Oxford Fajar.
- Noraini Idris, 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Gram Hill Education.
- Shamsudin Othman, 2004. “Seni Bahasa: Belajar sambil Berhibur atau Didik Hibur?” dlm. *Kalam Bahasa*. Kuala Lumpur: Sekolah Alam Shah. Ogos:10-14.